

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Terengganu secara menyeluruh pada akhir tahun 2021, di samping membantu Kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

Apa yang ditemui Audit?

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berjumlah RM334.52 juta, iaitu menurun sebanyak RM131.68 juta berbanding RM466.20 juta pada akhir tahun 2020.
- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan kurangan semasa berjumlah RM32.63 juta berbanding kurangan berjumlah RM54 juta pada tahun 2020. Kutipan hasil menurun sebanyak RM40.75 juta atau 2.5% menjadi RM1.593 bilion berbanding RM1.633 bilion pada tahun 2020.
- Perbelanjaan mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan) Kerajaan negeri pada tahun 2021 berjumlah RM1.135 bilion menurun sebanyak RM52.12 juta atau 4.4% berbanding RM1.187 bilion pada tahun 2020.
- Baki Akaun Hasil Disatukan bagi tahun kewangan 2021 mencatatkan lebihan sejumlah RM170.73 juta berbanding RM203.36 juta pada tahun 2020.

- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan negeri pada tahun 2021 adalah baik, iaitu sejumlah RM688.70 juta atau 94.5% telah dibelanjakan berbanding RM728.58 juta peruntukan yang diluluskan. Sebanyak 1,895 projek telah dirancang, yang mana 1,688 projek (89.1%) telah disiapkan sepenuhnya, 177 projek (9.3%) sedang dilaksanakan dan 30 projek (1.6%) belum dimulakan.
- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM20.15 juta atau 11.4% daripada RM177.53 juta pada tahun 2020 kepada RM157.38 juta pada tahun 2021. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM55.36 juta atau 96.5% daripada RM57.35 juta pada tahun 2020 kepada RM1.99 juta pada tahun 2021.
- Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM13.61 juta atau 4.9% menjadi RM266.36 juta berbanding RM279.97 juta pada tahun 2020. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM15.38 juta atau 41.5% menjadi RM52.46 juta berbanding RM37.08 juta pada tahun 2020.

Apa yang disyorkan Audit?

- Kerajaan negeri perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya sumber pendapatan yang diperoleh dapat menampung keseluruhan perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta tanggungan semasa.
- Kerajaan negeri perlu mengamalkan pengurusan kewangan lebih berhemat dan disiplin fiskal yang tinggi demi memastikan keadaan kewangan terus kukuh dan terkawal tanpa menjelaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri. Sehubungan itu, Kerajaan negeri adalah disyorkan:
 - mengenal pasti sumber hasil baharu dan melaksanakan perbelanjaan secara terarah serta berhemat bagi meningkatkan prestasi kewangan negeri;
 - memastikan kelulusan khas pembayaran AP 58(a) dikurangkan bagi mengelakkan penggunaan peruntukan tahun semasa dan mengawal perbelanjaan; dan

- mengamalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan negeri Terengganu.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↓ HASIL	↓ AKAUN HASIL DISATUKAN	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2021 - RM1.593 bilion	2021 - RM170.73 juta	2021 - RM157.38 juta
2020 - RM1.633 bilion	2020 - RM203.36 juta	2020 - RM177.53 juta
↑ BELANJA	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	↓ PELABURAN
2021 - RM1.827 bilion	2021 - RM0	2021 - RM0
2020 - RM1.793 bilion	2020 - RM0	2020 - RM3.45 juta
	↓ AKAUN AMANAH DISATUKAN	↓ HUTANG AWAM
	2021 - RM163.79 juta	2021 - RM266.36 juta
	2020 - RM262.84 juta	2020 - RM279.97 juta

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2021, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit dijalankan terhadap Penyata Kedudukan Kewangan; Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai; Penyata Prestasi Kewangan; Penyata Akaun Memorandum; Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman Dalam

Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

3.2. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri mencatatkan kurangan keseluruhan berjumlah RM234.57 juta iaitu meningkat sebanyak RM74.77 juta atau 46.8% berbanding kurangan keseluruhan RM159.80 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan belanja pembangunan sebanyak RM86.14 juta atau 14.2%. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PENYATA PRESTASI
KEWANGAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
HASIL	1,592.72	1,633.47	(40.75)	(2.5)
Hasil Cukai	67.82	64.70	3.12	4.8
Hasil Bukan Cukai	148.09	137.33	10.76	7.8
Terimaan Bukan Hasil	1,376.81	1,431.44	(54.63)	(3.8)
(-) PERBELANJAAN	1,827.29	1,793.27	34.02	1.9
Belanja Mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan)	1,135.35	1,187.47	(52.12)	(4.4)
Belanja Pembangunan	691.94	605.80	86.14	14.2
LEBIHAN/(KURANGAN) KESELURUHAN	(234.57)	(159.80)	74.77	46.8
Pinjaman	0.00	0.00	0	0.0
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	42.31	130.99	(88.68)	(67.7)
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	192.26	28.81	163.44	567.3
JUMLAH PEMBIAYAAN	234.57	159.80	74.77	46.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

3.3. **Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan negeri bagi tahun 2021 adalah stabil walaupun Kerajaan negeri mengalami kurangan keseluruhan pada tahun 2021 berjumlah RM234.57 juta.**

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan pada akhir tahun 2021, Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM334.52 juta terdiri daripada aset berbentuk wang tunai berjumlah RM234.52 juta dan pelaburan berjumlah RM100 juta. Kumpulan Wang Disatukan menunjukkan penurunan sebanyak

RM131.68 juta atau 28.2% berbanding RM466.20 juta pada tahun 2020. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.


JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Hasil Disatukan	170.73	203.36	(32.63)	(16.0)
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
Akaun Amanah Disatukan:	163.79	262.84	(99.05)	(37.7)
<i>i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:</i>	(126.59)	(19.76)	(106.83)	540.6
• Kumpulan Wang Pembangunan	(672.77)	(516.38)	(156.39)	30.3
• Kumpulan Wang Bekalan Air	65.17	68.41	(3.24)	(4.7)
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	481.01	428.21	52.80	12.3
<i>ii. Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	104.98	91.80	13.18	14.4
<i>iii. Akaun Wang Deposit</i>	185.40	190.80	(5.40)	(2.8)
JUMLAH	334.52	466.20	(131.68)	(28.2)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

4.2. Penurunan Kumpulan Wang Disatukan adalah disebabkan oleh penurunan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM99.05 juta atau 37.7%. Kedudukan baki bagi tahun 2021 adalah yang ketiga tertinggi dalam tempoh lima tahun seperti ditunjukkan di **Carta 1**.

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai dan Pelaburan

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai aset Kerajaan negeri yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit bagi tempoh tiga bulan dan ke bawah di institusi kewangan yang diluluskan. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang belum dibankkan serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai. Wang Tunai Dalam Tangan adalah Panjar Wang Runcit yang diluluskan kepada pemegang panjar. Kedudukan baki Wang Tunai pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN WANG TUNAI PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021	2020	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
WANG TUNAI					
1.	Wang Tunai Dalam Bank	233.56	466.10	(232.54)	(49.9)
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.85	0.00*	0.85	100.0
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.11	0.10	0.01	10.0
JUMLAH		234.52	466.20	(231.68)	(49.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota : * RM120.00

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai bagi tahun 2021 dan 2020 menunjukkan penurunan sebanyak RM231.68 juta atau 49.7% menjadi RM234.52 juta berbanding RM466.20 juta pada tahun 2020. Pada tahun 2021, Wang Tunai Dalam Bank menurun sebanyak RM232.54 juta atau 49.9% menjadi RM233.56 juta berbanding RM466.10 juta pada tahun 2020. Penurunan ini adalah disebabkan pelaburan dalam deposit melebihi tiga bulan sebanyak RM100 juta dan bagi menampung perbelanjaan Kerajaan negeri.

5.1.3. Pelaburan Kerajaan negeri dilaporkan sebagai salah satu item di bawah Wang Awam di Penyata Kedudukan Kewangan. Mengikut Perenggan 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan negeri dibenarkan melabur dalam deposit di institusi kewangan yang diluluskan dan pelaburan lain yang dibenarkan sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan daripada dana

kumpulan wang amanah/akaun amanah selaras dengan Arahan Amanah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 serta peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am pula adalah semua pelaburan daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan.

5.1.4. Pada akhir tahun 2021, Kerajaan negeri mempunyai pelaburan dalam bentuk simpanan tetap berjumlah RM100 juta berbanding tiada pelaburan pada tahun 2020 seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	NAMA INSTITUSI KEWANGAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bank Islam Malaysia Berhad	50.00	0.00	50.00	100.0
2.	Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad	50.00	0.00	50.00	100.0
JUMLAH		100.00	0.00	100.00	100.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri bagi satu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Subseksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan negeri mengakhiri tahun kewangan 2021 dengan kurangan semasa berjumlah RM32.63 juta berbanding kurangan berjumlah RM54 juta pada tahun 2020, iaitu menurun sebanyak RM21.37 juta atau 39.6%. Penurunan ini disebabkan penurunan belanja sebanyak RM62.12 juta lebih besar berbanding penurunan hasil sebanyak RM40.75 juta. Dengan kurangan semasa sebanyak RM32.63 juta dalam Akaun Hasil Disatukan yang dicatatkan pada akhir tahun 2021, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menjadi RM170.73 juta berbanding RM203.36 juta pada tahun 2020. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	203.36	257.36	(54.00)	(21.0)
Hasil	1,592.72	1,633.47	(40.75)	(2.5)
Perbelanjaan Mengurus	1,625.35*	1,687.47*	(62.12)	(3.7)
Lebihan/(Defisit) Bagi Tahun	(32.63)	(54.00)	21.37	(39.6)
BAKI PADA 31 DISEMBER	170.73	203.36	32.63	(16.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota : (*) – Termasuk pindahan kepada belanja pembangunan sebanyak RM490 juta (2021) dan RM500 juta (2020)

6.3. Trend Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2017 HINGGA 2021

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	(95.48)	77.63	(2.61)	257.36	203.36
Hasil	2,072.86	1,792.52	2,560.96	1,633.47	1,592.72
Perbelanjaan Mengurus	1,899.75	1,872.76	2,300.99	1,687.47	1,625.35
Lebihan/(Defisit)	173.11	(80.24)	259.97	(54.00)	(32.63)
BAKI PADA 31 DISEMBER	77.63	(2.61)	257.36	203.36	170.73

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

6.4. Analisis perbandingan bagi tahun 2017 hingga 2021 mendapati baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menunjukkan trend menurun kecuali pada tahun 2019 seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

6.5. Hasil

Hasil Kerajaan negeri dikategorikan kepada tiga jenis iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada keseluruhannya, kutipan hasil sebenar Kerajaan negeri pada tahun 2021 adalah lebih tinggi berbanding anggaran yang diluluskan. Bagaimanapun, kutipan hasil sebenar bagi tahun 2021 telah menurun berbanding hasil sebenar pada tahun 2020.

6.5.1. Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran yang Diluluskan

Pada tahun 2021, kutipan hasil sebenar Kerajaan negeri adalah berjumlah RM1.593 bilion iaitu RM342.72 juta atau 27.4% lebih tinggi berbanding anggaran yang berjumlah RM1.250 bilion. Kutipan hasil sebenar pada tahun 2021 berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
KUTIPAN HASIL SEBENAR PADA TAHUN 2021
BERBANDING ANGGARAN YANG DILULUSKAN

BUTIRAN HASIL	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	VARIAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	58.56	67.82	9.26	15.8
Hasil Bukan Cukai	130.64	148.09	17.45	13.4
Terimaan Bukan Hasil	1,060.80	1,376.81	316.01	29.8
JUMLAH	1,250.00	1,592.72	342.72	27.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

6.5.2. Kutipan Hasil Pada Tahun 2021 Berbanding 2020


- Pada tahun 2021, hasil sebenar Kerajaan negeri menurun sebanyak RM40.75 juta atau 2.5% menjadi RM1.593 bilion berbanding RM1.633 bilion pada tahun 2020. Kutipan hasil pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 8** dan **Carta 3**.

JADUAL 8
KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	67.82	64.70	3.12	4.8
Hasil Bukan Cukai	148.09	137.33	10.76	7.8
Terimaan Bukan Hasil	1,376.81	1,431.44	(54.63)	(3.8)
JUMLAH	1,592.72	1,633.47	(40.75)	(2.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

CARTA 3
KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- b. Analisis Audit menunjukkan penurunan hasil pada tahun 2021 sebanyak RM40.75 juta atau 2.5% adalah disebabkan oleh pengurangan dalam Terimaan Bukan Hasil berjumlah RM1.376 bilion berbanding RM1.431 bilion pada tahun 2020. **Penurunan Terimaan Bukan Hasil pada tahun 2021 antaranya disebabkan tiada penyaluran pemberian pertambahan hasil oleh Kerajaan Persekutuan berbanding RM6.59 juta pada tahun 2020. Selain itu, Pemberian Kos Perkhidmatan Di Atas Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan menurun sejumlah RM6.56 juta berbanding tahun 2020.**

6.5.3. Peningkatan dan Penurunan Hasil yang Ketara

Peningkatan dan penurunan hasil yang ketara pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
**PENINGKATAN DAN PENURUNAN HASIL YANG KETARA
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020**

BIL.	BUTIRAN HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/ PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
PENINGKATAN						
1.	Dana Khas / Pemberian Khas	1,287.40	1,028.29	259.11	25.2	Pertambahan pemberian disebabkan kenaikan harga minyak mentah.
2.	Premium Tanah Biasa – Borang 5A	68.99	47.56	21.43	45.1	Bayaran oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad berjumlah RM10.56 juta dan individu.

BIL.	BUTIRAN HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/ PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
3.	Pemberian 50% Kos Pengurusan Jabatan Negeri	48.46	46.38	2.08	4.5	Selaras dengan pembukaan aktiviti sektor kerajaan yang sebelum ini berfungsi pada tahap minima akibat Perintah Kawalan Pergerakan.
PENURUNAN						
4.	Faedah Dari Pelaburan Deposit Pasaran Wang	8.18	18.03	(9.85)	(54.6)	Faedah yang diterima dari akaun semasa lebih rendah berbanding tahun 2020.
5.	Pemberian Kos Perkhidmatan Di Atas Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan	9.48	16.04	(6.56)	(40.9)	Pengurangan jumlah projek Kerajaan Persekutuan yang masih dalam pelaksanaan di mana pengiraan kos perkhidmatan adalah berdasarkan kepada 10% daripada kos projek.
6.	Pemberian Pertambahan Hasil	0	6.59	(6.59)	(100.0)	Berasaskan prinsip <i>revenue sharing</i> , penyaluran hasil kepada kerajaan Negeri tidak dibuat memandangkan tiada pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.5.4. Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri

Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri terdiri daripada Dana Khas/Pemberian Khas; Premium Tanah Biasa - Borang 5A; Pemberian 50% Perbelanjaan Kos Pengurusan Jabatan Negeri, Cukai Tanah Semasa/Berulang dan Pemberian Mengikut Ramai Penduduk. Kelima-lima hasil ini menyumbang sejumlah RM1.455 bilion atau 91.4% daripada keseluruhan hasil pada tahun 2021 berbanding RM1.172 bilion atau 71.8% pada tahun 2020. Dana Khas/Pemberian Khas yang berjumlah RM1.287 bilion pula telah menyumbang 80.8% daripada keseluruhan hasil Kerajaan negeri pada tahun 2021. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI
PADA TAHUN 2021 DAN 2020

BIL.	BUTIRAN HASIL	2021		2020	
		JUMLAH HASIL (RM Juta)	PERATUS BERBANDING JUMLAH HASIL KESELURUHAN (%)	JUMLAH HASIL (RM Juta)	PERATUS BERBANDING JUMLAH HASIL KESELURUHAN (%)
1.	Royalti Petroleum (Pemberian Dana Khas)	1,287.40	80.8	1,028.29	63.0
2.	Premium Tanah Biasa – Borang 5A	68.99	4.3	47.56	2.9
3.	Pemberian 50% Kos Pengurusan Jabatan Negeri	48.47	3.0	46.38	2.8
4.	Cukai Tanah Semasa/Berulang	30.95	1.9	30.21	1.8
5.	Pemberian Mengikut Ramai Penduduk	19.95	1.3	19.65	1.2
JUMLAH		1,455.76	91.4	1,172.09	71.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.6. Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus terbahagi kepada dua jenis iaitu Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan, Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pence, ganjaran, pampasan dan bayaran balik hutang awam. Perbelanjaan Perbekalan pula adalah untuk membiayai aktiviti dan kegiatan harian meliputi Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Maksud Perbekalan juga termasuk wang yang diperuntukkan kepada Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan melalui pemberian atau pinjaman yang dianggap sebagai perbelanjaan.

6.6.1. Analisis Bajet Mengurus

a. Analisis Bajet Tahun 2021 Berbanding 2020

Pada tahun 2021, anggaran perbelanjaan mengurus yang diluluskan menurun sebanyak RM113.27 atau 6.1% menjadi RM1.729 bilion berbanding RM1.842 bilion pada tahun 2020. Penurunan ketara anggaran belanja mengurus ialah di bawah kategori Aset sebanyak RM14.09 juta atau 47.4%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS YANG DILULUSKAN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN PERBELANJAAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Emolumen	286.80	285.56	1.24	0.4
Perkhidmatan dan Bekalan	204.99	214.04	(9.05)	(4.2)
Aset	15.61	29.70	(14.09)	(47.4)
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,218.16	1,311.71	(93.55)	(7.1)
Perbelanjaan Lain	3.84	1.66	2.18	131.3
JUMLAH	1,729.40	1,842.67	(113.27)	(6.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

b. Perbelanjaan Mengurus Sebenar Berbanding Anggaran

Perbelanjaan mengurus sebenar pada tahun 2021 adalah berjumlah RM1.625 bilion iaitu 94.0% berbanding anggaran yang diluluskan berjumlah RM1.729 bilion. Perbelanjaan sebenar berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PERBELANJAAN SEBENAR PADA TAHUN 2021
BERBANDING ANGGARAN YANG DILULUSKAN

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERATUS (%)
1.	Emolumen	286.80	267.73	93.4
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	204.99	178.87	87.3
3.	Aset	15.61	14.07	90.1
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,218.16	1,161.30	95.3
5.	Perbelanjaan Lain	3.84	3.38	88.0
JUMLAH		1,729.40	1,625.35	94.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

6.6.2. Secara keseluruhannya, perbelanjaan mengurus pada tahun 2021 menurun sebanyak RM62.12 juta atau 3.7% menjadi RM1.625 bilion berbanding RM1.687 bilion pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	267.73	259.52	8.21	3.2
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	178.87	183.54	(4.67)	(2.5)
3.	Aset	14.07	12.06	2.01	16.7
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,161.30	1,231.08	(69.78)	(5.7)
5.	Perbelanjaan Lain	3.38	1.27	2.11	166.1
JUMLAH		1,625.35	1,687.47	(62.12)	(3.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.6.3. Perubahan Perbelanjaan yang Ketara Tahun 2021 Berbanding Tahun 2020

Analisis Audit mendapati **penurunan perbelanjaan mengurus adalah disebabkan oleh penurunan perbelanjaan di bawah kategori Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**. Penurunan perbelanjaan bagi maksud tersebut dipengaruhi oleh penurunan perbelanjaan di bawah Faedah, Dividen dan Kenaan Bayaran Hutang Negara yang Lain, di mana hanya sejumlah RM15.21 juta dibelanjakan pada tahun 2021 berbanding RM31.87 juta pada tahun 2020, iaitu penurunan sebanyak RM16.66 juta. Justifikasi peningkatan dan penurunan perbelanjaan yang ketara pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
JUSTIFIKASI PENINGKATAN DAN PENURUNAN
PERBELANJAAN YANG KETARA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/ PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
PENINGKATAN						
1.	Pemberian Dan Bantuan yang Lain	92.18	62.78	29.4	46.8	Pertambahan elaun bagi Pengerusi, Setiausaha, Kendalian Mesyuarat dan Hadir Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung.
2.	Pulang Balik Dan Hapus Kira	3.37	1.26	2.11	167.5	Peningkatan bayaran balik deposit Premium tanah (Borang 5A) yang dibatalkan. Selain itu ia mengambil kira kenaikan bayaran deposit yang dijadikan hasil termasuklah deposit pengalihan bahan batuan, di bawah Peraturan Tanah Terengganu 1966, bayaran balik amanah pelbagai dan bayaran balik potongan gaji.
PENURUNAN						
3.	Faedah Dividen dan Kenaan Bayaran Hutang Negara yang Lain	15.21	31.87	(16.66)	(52.3)	Bayaran balik hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan lebih rendah dari tahun 2020.
4.	Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup	5.87	7.97	(2.1)	(26.3)	Pengurangan penganjuran program rasmi jabatan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan dan saranan daripada Majlis Keselamatan Negara yang tidak membenarkan penganjuran majlis rasmi/tidak rasmi dan majlis sosial.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.6.4. Pembayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat mendapat kelulusan Bendahari Negeri. Jabatan hendaklah mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab-sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Sekiranya Bendahari Negeri mendapati sebab kelewatan diragui atau tiada baki peruntukan, kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri perlu diperoleh.
- Analisis Audit mendapati perbelanjaan di bawah AP 58(a) pada tahun 2021 berjumlah RM5.27 juta melibatkan 1,792 baucar bayaran di 34 jabatan/pejabat, iaitu menurun sebanyak RM2.22 juta berbanding RM7.49 juta pada tahun 2020. Jabatan/pejabat yang tertinggi membuat pembayaran di bawah AP 58(a) adalah seperti di **Jadual 15**.

JADUAL 15
PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a) PADA TAHUN 2021
BERBANDING 2020 MENGIKUT JABATAN

BIL.	JABATAN/ PEJABAT	2021		2020		PERUBAHAN	
		BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM Juta)	BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	671	2.93	858	4.66	(1.73)	(37.1)
2.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu	170	0.78	98	0.32	0.46	143.8
3.	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu	256	0.63	476	1.11	(0.48)	(43.2)
4.	Dewan Undangan Negeri Terengganu	60	0.22	124	0.42	(0.20)	(47.6)
5.	Jabatan/Pejabat Lain*	635	0.71	1,292	0.98	(0.27)	(27.6)
JUMLAH		1,792	5.27	2,848	7.49	(2.22)	(29.6)

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu

Nota : (*) 31 Jabatan/Pejabat bagi tahun 2020

30 Jabatan/Pejabat bagi tahun 2021

- c. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu merupakan jabatan yang tertinggi membuat pembayaran di bawah AP58(a) sejumlah RM2.93 juta atau 55.6% daripada keseluruhan jumlah bayaran AP58(a) pada tahun 2021.
- d. Manakala jenis perbelanjaan yang tertinggi adalah Pemberian dan Kenaan Tetap berjumlah RM3.05 juta dan diikuti dengan perbelanjaan bagi Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM1.88 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a)
MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN PADA TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	BILANGAN PTJ	JUMLAH (RM Juta)
1.	Emolumen	47	0.34
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	61	1.88
3.	Pemberian dan Kenaan Tetap	10	3.05
JUMLAH			5.27

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu

- e. Semakan Audit mendapati **pembayaran di bawah AP58(a) melibatkan sebanyak 1,792 baucar bayaran berjumlah RM5.27 juta merupakan bil tahun 2007 hingga 2020 yang telah dibayar pada tahun 2021** seperti dalam **Jadual 17**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 544 baucar bayaran adalah bagi maksud Emolumen, 905 baucar Perkhidmatan dan Bekalan serta 343 baucar Pemberian dan Kenaan Tetap. Semakan lanjut mendapati bayaran tuntutan bagi bil tahun sebelum 2020 antaranya melibatkan tuntutan daripada PERKESO terhadap pekerja kontrak/sementara sejumlah RM348,706.85.

JADUAL 17
PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a)
MENGIKUT PECAHAN BULAN/TAHUN BIL DITERIMA

BIL.	BIL TAHUN 2020 (Bulan)	BAUCAR BAYARAN TAHUN 2021 (Bil.)	JUMLAH (RM)
1.	Tahun Sebelum 2020 (2007 – 2019)	36	426,556
2.	Januari	1	44,380
3.	Februari	4	2,918
4.	Mac	3	640
5.	April	1	37,000
6.	Mei	2	38,280
7.	Jun	1	37,000
8.	Julai	2	37,564
9.	Ogos	4	42,885
10.	September	10	109,552
11.	Oktober	3	92,340
12.	November	16	114,999
13.	Disember	1,709	4,292,017
JUMLAH		1,792	5,276,131

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu

- f. Semakan Audit mendapati sehingga bulan April 2022, sebanyak 1,440 baucar bayaran AP58(a) yang merupakan bil/tuntutan tahun 2021 berjumlah RM5.14 juta telah dibayar pada tahun 2022 seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
BIL TAHUN 2021 DIBAYAR DI BAWAH AP58(a)
SEHINGGA BULAN APRIL 2022

BIL.	BIL TAHUN 2021 (Bulan)	BAUCAR BAYARAN TAHUN 2022 (Bil.)	JUMLAH (RM)
1.	Januari	1	360
2.	Jun	1	3,645

BIL.	BIL TAHUN 2021 (Bulan)	BAUCAR BAYARAN TAHUN 2022 (Bil.)	JUMLAH (RM)
3.	September	11	494,495
4.	Oktober	32	1,208,741
5.	November	63	952,381
6.	Disember	1,332	2,479,180
JUMLAH		1,440	5,138,802

Sumber: Baucar Bayaran Januari Hingga April Tahun 2022

6.6.5. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

Mengikut Arahan Perbendaharaan 59, pembayaran sesuatu bil yang dikemukakan dengan sempurna bagi barang atau perkhidmatan kepada kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab keraguan sama ada perbelanjaan telah dilakukan dengan sewajarnya oleh seseorang pegawai Kerajaan atau sebaliknya. Kelulusan Pegawai Kewangan Negeri hendaklah diperoleh dan pembayaran ditanggungkan kepada akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sehingga siasatan selesai. Pada tahun 2021, tiada pembayaran yang dibuat di bawah AP 59.

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air atau Kumpulan Wang lain yang berkaitan.

7.2. **Pada tahun 2021, Kerajaan negeri tidak menerima sebarang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.** Pinjaman terakhir yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan adalah pada tahun 2013 berjumlah RM22.93 juta bagi membiayai projek bekalan air.

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut

kehendak Arahan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. **Pada akhir tahun 2021, baki Akaun Amanah Disatukan adalah berjumlah RM163.79 juta, menurun sebanyak RM99.05 juta atau 37.7% berbanding RM262.84 juta pada tahun 2020.** Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:				
i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	(126.59)	(19.76)	(106.83)	540.6
• Kumpulan Wang Pembangunan	(672.77)	(516.38)	(156.39)	30.3
• Kumpulan Wang Bekalan Air	65.17	68.41	(3.24)	(4.7)
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	481.01	428.21	52.80	12.3
ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	104.98	91.80	13.18	14.4
iii. Akaun Wang Deposit	185.40	190.80	(5.40)	(2.8)
BAKI PADA 31 DISEMBER	163.79	262.84	(99.05)	(37.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.2. Penurunan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 disebabkan oleh penurunan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM106.83 juta dan Akaun Wang Deposit sebanyak RM5.40 juta berbanding pada tahun 2020. Baki Kumpulan Wang Amanah Awam pula meningkat sebanyak RM13.18 juta (14.4%) menjadi RM104.98 juta pada tahun 2021 berbanding RM91.8 juta pada tahun 2020.

8.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.3.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang Amanah ini disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Jadual Ketiga Akta Tatacara Kewangan 1957.

8.3.2. **Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2021 adalah berbaki defisit RM126.59 juta berbanding defisit RM19.76 juta pada tahun 2020** iaitu peningkatan defisit sebanyak

RM106.83 juta atau 540.6%. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan defisit Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM156.39 juta pada tahun 2021.

8.4. Kumpulan Wang Pembangunan

8.4.1. Prestasi Kewangan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan kumpulan wang ini diperoleh melalui caruman daripada Akaun Hasil Disatukan, Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan Terimaan Bayaran Balik Pinjaman daripada agensi Kerajaan negeri. Terdapat juga sumber kewangan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup dan Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II. Wang dalam kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud yang ditentukan dalam Akta tersebut. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(516.38)	(431.57)	(84.81)	19.7
Penerimaan	532.31	520.99	11.32	2.2
Pembayaran	688.70	605.80	82.90	13.7
Lebihan/(Defisit) Semasa	(156.39)	(84.81)	(71.58)	84.4
BAKI PADA 31 DISEMBER	(672.77)	(516.38)	(156.39)	30.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- b. **Pada tahun 2021, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan defisit semasa berjumlah RM156.39 juta berbanding defisit semasa RM84.81 juta pada tahun 2020.** Defisit ini adalah disebabkan oleh pembayaran berjumlah RM688.70 juta melebihi penerimaan berjumlah RM532.31 juta. Hal ini menjadikan baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2021 berjumlah RM672.77 juta berbanding RM516.38 juta pada tahun 2020.

8.4.2. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2021

- a. Pada tahun 2021, peruntukan yang diluluskan bagi 16 jabatan/pejabat adalah berjumlah RM728.58 juta untuk melaksanakan 1,895 projek. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM688.70 juta telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek pembangunan. Pencapaian perbelanjaan pembangunan sehingga 31 Disember 2021 adalah sebanyak 94.5% seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2021

BIL.	JABATAN PELAKSANA	PROJEK (Bil.)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	1,765	714.08	674.47	94.5
2.	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri	13	10.00	10.00	100.0
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	15	2.00	1.88	94.0
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	27	0.50	0.50	100.0
5.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	12	0.25	0.23	92.0
6.	Pejabat Daerah Dungun	11	0.20	0.20	100.0
7.	Pejabat Daerah Kemaman	5	0.20	0.20	100.0
8.	Pejabat Daerah Kuala Nerus	9	0.20	0.20	100.0
9.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	5	0.20	0.19	95.0
10.	Pejabat Daerah Marang	4	0.20	0.19	95.0
11.	Pejabat Daerah Besut	4	0.20	0.19	95.0
12.	Pejabat Daerah Setiu	6	0.20	0.15	75.0
13.	Jabatan Pertanian Negeri	9	0.10	0.10	100.0
14.	Jabatan Perhutanan Negeri	2	0.10	0.10	100.0
15.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	7	0.10	0.10	100.0
16.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	1	0.05	0.00	0.0
JUMLAH		1,895	728.58	688.70	94.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

- b. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM688.70 juta bagi membiayai pelbagai projek pembangunan berbanding RM605.80 juta pada tahun 2020. Kedudukan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	JABATAN PELAKSANA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	674.47	581.49	92.98	16.0
2.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri	10.00	19.89	(9.89)	(49.7)
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	1.88	1.49	0.39	26.2
4.	Pejabat Daerah Dungun	0.20	0.70	(0.50)	(71.4)
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	0.50	0.35	0.15	42.9
6.	Pejabat Daerah Kemaman	0.20	0.34	(0.14)	(41.2)
7.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	0.23	0.31	(0.08)	(25.8)
8.	Jabatan Pertanian Negeri	0.10	0.25	(0.15)	(60.0)
9.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri	0.10	0.25	(0.15)	(60.0)
10.	Pejabat Daerah Marang	0.19	0.20	(0.01)	(5.0)
11.	Pejabat Daerah Besut	0.19	0.19	(0.00)	(0.0)
12.	Pejabat Daerah Setiu	0.15	0.18	(0.03)	(16.7)
13.	Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu	0.10	0.09	0.01	11.1
14.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	0.19	0.07	0.12	171.4
15.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	0.00	0.00	0.00	0.0
16.	Pejabat Daerah Kuala Nerus	0.20	0.00	0.20	100.0
JUMLAH		688.70	605.80	82.90	13.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- c. **Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sejumlah RM674.47 juta pada tahun 2021 atau 97.9% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021.**

Perbelanjaan sejumlah RM674.47 juta ini antaranya adalah bagi membiayai perbelanjaan projek *deferred payment* dan *scheduled payment* antaranya kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf Loji Rawatan Air di Bukit Sah, Kemaman sejumlah RM129.63 juta; Skim Bekalan Air Kuala Terengganu Utara sejumlah RM150.21 juta dan Pembangunan Daerah Kuala Nerus sejumlah RM70 juta. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri pula mencatatkan perbelanjaan kedua tertinggi iaitu sejumlah RM10 juta bagi perbelanjaan Pengambilan Balik Tanah.

8.4.3. Prestasi Pelaksanaan Projek Tahun Semasa


- a. Pada tahun 2021, sebanyak 1,895 projek telah diluluskan untuk dilaksanakan oleh 16 jabatan/pejabat. Secara keseluruhannya, pencapaian pelaksanaan projek pada tahun 2021 adalah baik di mana sebanyak 1,688 atau 89.1% projek telah siap dilaksanakan seperti dalam **Jadual 23** dan **Carta 4**.

JADUAL 23
STATUS PENCAPAIAN PELAKSANAAN
PROJEK PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2021

BIL.	JABATAN PELAKSANA	PROJEK DILULUSKAN (Bil.)	STATUS PELAKSANAAN PROJEK		
			SIAP (Bil.)	SEDANG DILAKUKAN (Bil.)	BELUM MULA (Bil.)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	1,765	1,559	177	29
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	27	27	0	0
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	15	15	0	0
4.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri	13	13	0	0
5.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	12	12	0	0
6.	Pejabat Daerah Dungun	11	11	0	0
7.	Jabatan Pertanian Negeri	9	9	0	0
8.	Pejabat Daerah Kuala Nerus	9	9	0	0
9.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	7	7	0	0
10.	Pejabat Daerah Setiu	6	6	0	0
11.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	5	5	0	0
12.	Pejabat Daerah Kemaman	5	5	0	0
13.	Pejabat Daerah Besut	4	4	0	0
14.	Pejabat Daerah Marang	4	4	0	0
15.	Jabatan Perhutanan Negeri	2	2	0	0
16.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	1	0	0	1
JUMLAH		1,895	1,688	177	30

Sumber: Jabatan Negeri

CARTA 4
PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN TAHUN 2021



Sumber: Jabatan Negeri

- b. Sebanyak 177 projek atau 9.3% sedang dilaksanakan manakala 30 projek atau 1.6% belum dimulakan. Antara projek yang belum dimulakan seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
SENARAI LIMA PROJEK YANG BELUM DIMULAKAN

BIL.	JABATAN PELAKSANA	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM MULA
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	Jalan Susur KT Bypass Terengganu	167.87	<ul style="list-style-type: none"> Tidak menerima tuntutan bayaran daripada JKR. Tidak menerima sebarang pengesyoran bayaran daripada JKR HQ untuk bayaran perunding.
2.		Kolej Universiti Quran (KUQT)	100.00	<ul style="list-style-type: none"> Konsep rekabentuk pembangunan KUQT belum dapat dimuktamadkan pada tahun 2021. Tapak cadangan pembangunan KUQT di Durian Mentangau bermasalah.
3.		Sekolah Imtiaz Negeri Terengganu	20.00	<ul style="list-style-type: none"> Kertas cadangan bagi pembinaan secara kaedah reka dan bina belum mendapat kelulusan MJPEN dan MMKN.
4.	Jabatan Bekalan Air	Pemasangan Paip Air Baru/Retikulasi	12.00	<ul style="list-style-type: none"> Isu berkaitan pelantikan SATU sebagai pegawai penguasa (PP) tidak mematuhi pekeliling perbendaharaan. Projek terlibat dalam proses tender semula dan pindaan skop asal.
5.		Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW)	0.50	<ul style="list-style-type: none"> Dalam proses penentuan kaedah perolehan dan penyediaan dokumen sebut harga/tender.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

8.5. Kumpulan Wang Bekalan Air

8.5.1. Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Tatacara Kewangan dan Perakaunan) 1980. Sumber kewangan kumpulan wang ini diperoleh melalui caruman daripada Kerajaan negeri dan pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan Kumpulan Wang Bekalan Air pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	68.41	69.22	(0.81)	(1.2)
Penerimaan	0.00	0.00	0.00	0.0
Pembayaran	3.24	0.81	2.43	300.0
Lebihan/(Defisit) Semasa	(3.24)	(0.81)	2.43	300.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	65.17	68.41	(3.24)	(4.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.5.2. Baki Kumpulan Wang Bekalan Air pada akhir tahun 2021 berjumlah RM65.17 juta berbanding RM68.41 juta pada tahun 2020, menurun sebanyak RM3.24 juta (4.7%). Penurunan ini adalah disebabkan sebanyak RM3.24 juta telah dibelanjakan bagi perbelanjaan projek pembangunan bekalan air pada tahun 2021.

8.6. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.6.1. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	0.10	0.17	(0.07)	(41.2)
2.	Akaun Perniagaan	0.17	0.17	0.00	0.0
3.	Akaun Pinjaman	32.26	32.26	0.00	0.0
4.	Kumpulan Wang Luar Jangka	5.00	5.00	0.00	0.0
5.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah	443.48	390.61	52.87	13.5
BAKI PADA 31 DISEMBER		481.01	428.21	52.80	12.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.6.2. Analisis Audit menunjukkan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2021 adalah berjumlah RM481.01 juta iaitu meningkat sebanyak RM52.80 juta atau 12.3% berbanding RM428.21 juta pada tahun 2020. Peningkatan ketara ini disebabkan oleh sebanyak 24 akaun amanah daripada Kumpulan Wang Amanah Awam diklasifikasikan semula ke Kumpulan Wang Amanah Kerajaan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Selain itu, Akaun Penyelesaian mencatat penurunan iaitu sebanyak RM0.07 juta atau 41.2% disebabkan Akaun Penyelesaian Pembatalan EFT telah dipindahkan ke Akaun Deposit.

8.6.3. Pada tahun 2021, terdapat satu akaun kumpulan wang amanah baharu yang ditubuhkan iaitu Kumpulan Wang Amanah Pengambilan Tanah berbaki RM4.12 juta. Kumpulan wang ini ditubuhkan adalah bertujuan mengakaunkan segala sumbangan atau caruman daripada orang perseorangan, sektor swasta, awam, persatuan atau pertubuhan tempatan atau kerajaan luar negara bagi tujuan pengambilan tanah.

8.6.4. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri

- a. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri diwujudkan bertujuan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan. Pemberian ini berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai penyelenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, pejabat daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957.
- b. Pada akhir tahun 2021, baki kumpulan wang ini meningkat sebanyak RM36.17 juta menjadi RM303.02 juta berbanding RM266.85 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan peningkatan terimaan daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021 sebanyak RM27.89 juta kepada RM235.32 juta berbanding RM207.43 juta pada tahun 2020. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	266.85	249.42	17.43	7.0
Terimaan	235.32	207.43	27.89	13.4
Perbelanjaan	199.15	190.00	9.15	4.8
BAKI PADA 31 DISEMB	303.02	266.85	36.17	13.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- c. Pada akhir tahun 2021, sejumlah RM199.15 juta atau 84.6% telah dibelanjakan daripada jumlah terimaan RM235.32 juta bagi membiayai kerja penyenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana. Berdasarkan Malaysian Road Record Information System (MARRIS), panjang jalan negeri sehingga 31 Disember 2021 adalah 20,673.13 km, iaitu berkurang sebanyak 45.74 km berbanding 20,718.87 km pada 31 Disember 2020. Pengurangan adalah disebabkan oleh proses pemutihan data yang dilakukan pada tahun 2021.

8.6.5. Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan

- a. Kumpulan wang ini diwujudkan mengikut Seksyen 56, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Tujuan penubuhannya adalah untuk melaksanakan pelbagai

projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Punca kewangan bagi kumpulan wang ini adalah pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan dan kutipan ses kayu balak.

- b. Pada akhir tahun 2021, baki kumpulan wang ini menurun sebanyak RM1.68 juta menjadi RM24.13 juta berbanding RM25.81 juta pada tahun 2020. Penurunan ini disebabkan perbelanjaan pada tahun 2021 sebanyak RM7.32 juta lebih tinggi berbanding RM4.26 juta pada tahun 2020. Antara perbelanjaan yang tertinggi adalah di bawah infrastruktur dan peralatan sejumlah RM4.05 juta dan eko pelancongan sejumlah RM0.96 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan bagi tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
BAKI KUMPULAN WANG AMANAH
PEMBANGUNAN HUTAN PADA TAHUN 2017 HINGGA 2021

PERKARA	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	0.61	7.37	15.91	24.26	25.81
Penerimaan	9.94	12.83	14.64	5.81	5.64
Pembayaran	3.18	4.29	6.29	4.26	7.32
Lebihan/(Defisit)	6.76	8.54	8.35	1.55	(1.68)
BAKI PADA 31 DISEMBER	7.37	15.91	24.26	25.81	24.13

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

8.6.6. Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana Malapetaka

- a. Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana Malapetaka diwujudkan untuk mengakaunkan wang yang diterima bagi tujuan mengimbuh kehilangan serta kerosakan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana alam. Berdasarkan Arahan Amanah, penerimaan kumpulan wang amanah ini adalah daripada sumbangan orang awam, firma, institusi dan kerajaan.
- b. Pada akhir tahun 2021, kumpulan wang ini berbaki RM10.40 juta iaitu meningkat sebanyak RM3.04 juta atau 41.3% berbanding RM7.36 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini adalah disebabkan penerimaan peruntukan bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) daripada Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) bagi Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), yang masing-masing berjumlah RM17.55 juta dan RM15 juta. Sebanyak RM8 juta atau 45.5% daripada peruntukan MOSTI telah dibelanjakan manakala bagi peruntukan NADMA telah

dibelanjakan sepenuhnya. Antara perbelanjaan yang dibuat adalah bagi pengurusan pusat kuarantin melibatkan lapan daerah sejumlah RM7.55 juta dan penyaluran wang ihsan kepada mangsa banjir daerah Kemaman sejumlah RM4.54 juta.

- c. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana Malapetaka pada tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH TABUNG BANTUAN
BENCANA MALAPETAKA PADA TAHUN 2017 HINGGA 2021

PERKARA	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	0.80	0.001	0.02	0.32	7.36
Penerimaan	0.001	0.10	0.82	18.84	43.66
Pembayaran	0.80	0.08	0.52	11.80	40.62
Lebihan/(Defisit)	(0.799)	0.02	0.30	7.04	3.04
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.001	0.02	0.32	7.36	10.40

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 Hingga 2021

8.6.7. Kumpulan Wang Amanah Dana Khas Kerajaan Negeri Terengganu

- a. Kumpulan wang ini diwujudkan untuk memperakaun wang yang diterima bagi melaksanakan program, projek dan aktiviti yang memberi manfaat kepada rakyat Negeri Terengganu yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang. Penerimaan kumpulan wang amanah ini adalah daripada Kerajaan Persekutuan dan sumbangan orang awam, Pihak Berkuasa Berkanun atau mana-mana entiti yang tidak dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan negeri.
- b. Pada akhir tahun 2021, kumpulan wang ini berbaki RM32.71 juta, menurun sebanyak RM2.65 juta atau 7.5% berbanding RM35.36 juta pada tahun 2020. Penurunan ini disebabkan tiada terimaan pada tahun 2021 manakala sejumlah RM2.65 juta telah dibelanjakan bagi membiayai sebanyak 11 projek antaranya bayaran bagi Kerja Membina Jalan 6 Lorong Dan Mendalam Sungai Di Bandar Baru Kijal Fasa 2 berjumlah RM1.59 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Dana Khas pada tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH DANA KHAS
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU PADA TAHUN 2017 HINGGA 2021

PERKARA	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	140.99	103.55	52.59	34.00	35.36
Penerimaan	0.49	0.00	0.00	10.00	0.00
Pembayaran	37.93	50.96	18.59	8.64	2.65
Lebihan/Defisit	(37.44)	(50.96)	(18.59)	1.36	(2.65)
BAKI PADA 31 DISEMBER	103.55	52.59	34.00	35.36	32.71

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 Hingga 2021

8.6.8. Kumpulan Wang Amanah Tabung Perumahan Mampu Milik Negeri Terengganu

- a. Kumpulan wang ini diwujudkan untuk menyelaras satu bentuk penerimaan ke dalam Tabung Perumahan Mampu Milik Negeri Terengganu yang bertindak sebagai satu dana bagi pembinaan Rumah Mampu Milik (RMM) di Negeri Terengganu. Wang yang diterima digunakan bagi melaksanakan program, projek dan aktiviti yang memberi manfaat kepada rakyat Negeri Terengganu yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah.
- b. Penerimaan kumpulan wang amanah ini adalah daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan dan negeri, bayaran levi daripada pemaju yang telah diberi kelulusan untuk pengecualian pembinaan rumah mampu milik seperti mana yang terkandung dalam Dasar Perumahan Negeri Terengganu, bayaran levi daripada pemaju yang telah diberikan kelulusan untuk pelepasan kuota orang Melayu ke pasaran terbuka dan sumbangan orang ramai, syarikat swasta, firma, badan berkanun dan lain-lain.
- c. Pada akhir tahun 2021, kumpulan wang ini berbaki RM19 juta, meningkat sebanyak RM11.27 juta atau 145.8% berbanding RM7.73 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan terimaan bayaran balik ansuran peminjam RMM manakala tiada perbelanjaan pada tahun 2021. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Tabung Perumahan Mampu Milik Negeri Terengganu pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH TABUNG PERUMAHAN
MAMPU MILIK NEGERI TERENGGANU PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020**

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	7.73	0.05	7.68	15,360.0
Terimaan	11.27	12.97	(1.70)	(13.1)
Perbelanjaan	0.00	5.29	(5.29)	(100.0)
BAKI PADA 31 DISEMBER	19.00	7.73	11.27	145.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.7. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.7.1. Kumpulan Wang Amanah Awam adalah kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan wang yang diperuntukkan daripada Kerajaan serta sumbangan daripada orang awam dan organisasi kepada Kerajaan negeri bagi tujuan tertentu. Kumpulan wang ini hendaklah diurus mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri.

8.7.2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) kali ke-22 bertarikh 29 Julai 2020 telah bersetuju memindahkan sebanyak 24 akaun amanah yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 ke Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957.

8.7.3. Sehingga 31 Disember 2021, Kerajaan negeri mempunyai sebanyak 14 akaun amanah di bawah Kumpulan Wang Amanah Awam. Baki kumpulan wang ini pada akhir tahun 2021 adalah berjumlah RM104.98 juta berbanding RM91.80 juta pada tahun 2020 iaitu meningkat sebanyak RM13.18 juta atau 14.4%. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH AWAM
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020**

PERKARA	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	91.80	72.53	19.27	26.6
Penerimaan	35.75	43.03	(7.28)	(16.9)
Pembayaran	22.57	23.76	(1.19)	(5.0)
BAKI PADA 31 DISEMBER	104.98	91.80	13.18	14.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.7.4. Analisis Audit mendapati baki **akaun amanah yang menunjukkan peningkatan adalah Akaun Amanah Deposit Penyelenggaraan Jalanraya (Utiliti) yang meningkat sebanyak RM11.95 juta menjadi RM93.47 juta pada tahun 2021 berbanding RM81.52 juta pada tahun 2020.**

8.8. Akaun Deposit

8.8.1. Deposit merupakan wang yang diterima oleh sesebuah jabatan bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan setelah selesai maksudnya. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan daripada tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit, hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit yang diwartakan masih tidak dituntut selepas tiga bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan.

8.8.2. Kerajaan negeri mempunyai tiga jenis deposit iaitu Deposit Am sejumlah RM147.46 juta, Deposit Khusus sejumlah RM4.12 juta dan Deposit Pelarasan sejumlah RM33.82 juta. Wang deposit tersebut diselenggara oleh 27 jabatan/pejabat melalui 73 akaun deposit yang berjumlah RM185.40 juta. Baki akaun deposit pada tahun 2021 menurun sebanyak RM5.40 juta atau 2.8% berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM190.80 juta.

8.8.3. Sebanyak 14 jabatan/pejabat mempunyai deposit melebihi RM1 juta. Sebanyak 13 jabatan/pejabat lain mempunyai deposit di antara RM2,300 hingga RM0.87 juta yang mana jumlah keseluruhan deposit berjumlah RM5.47 juta. Kedudukan deposit pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 33.**

**JADUAL 33
KEDUDUKAN DEPOSIT PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020**

BIL.	JABATAN/PEJABAT	AKAUN DEPOSIT (Bil.)	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah Dan Galian	2	51.14	51.19	(0.05)	(0.1)
2.	Pejabat Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan Negeri	5	32.88	32.39	0.49	1.5
3.	Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu	2	30.78	29.65	1.13	3.8
4.	Jabatan Kerja Raya	4	27.58	28.17	(0.59)	(2.1)
5.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	2	8.87	23.61	(14.74)	(62.4)
6.	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu	3	6.96	4.75	2.21	46.5
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	2	6.77	6.54	0.23	3.5

BIL.	JABATAN/PEJABAT	AKAUN DEPOSIT (Bil.)	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
8.	Pejabat Tanah Kemaman	4	4.51	4.69	(0.18)	(3.8)
9.	Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu	1	2.69	0.00	2.69	100.0
10.	Pejabat Tanah Dungun	3	2.67	2.17	0.50	23.0
11.	Pejabat Tanah Marang	5	1.77	2.10	(0.33)	(15.7)
12.	Jabatan Bekalan Air	3	1.19	0.59	0.60	101.7
13.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	3	1.10	1.63	(0.53)	(32.5)
14.	Pejabat Daerah Kuala Nerus	2	1.02	0.01	1.01	10,100.0
15.	Jabatan/Pejabat Lain*	32	5.47	3.31	2.16	65.3
JUMLAH		73	185.40	190.80	(5.40)	(2.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota : (*) Jabatan/Pejabat Lain - Tahun 2020 : 34 Akaun melibatkan 17 Jabatan/Pejabat
- Tahun 2021 : 32 Akaun melibatkan 13 Jabatan/Pejabat

8.8.4. Analisis Audit mendapati **baki Akaun Deposit bagi 16 jabatan/pejabat telah mencatatkan peningkatan manakala 10 jabatan/pejabat telah menunjukkan penurunan berbanding tahun 2020** dan satu pejabat tiada perubahan. Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu mencatatkan peningkatan sebanyak RM2.69 juta adalah disebabkan oleh kenaikan jumlah wang yang dikreditkan ke akaun pembatalan EFT. Pejabat Tanah Kuala Terengganu pula mencatatkan penurunan sebanyak RM14.74 juta menjadi RM8.87 juta berbanding RM23.61 juta pada tahun 2020. Penurunan ini adalah disebabkan oleh bayaran balik deposit kepada pendeposit.

8.8.5. Pejabat Tanah dan Galian mempunyai wang deposit paling tinggi berjumlah RM51.14 juta diikuti Pejabat Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan Negeri sejumlah RM32.88 juta dan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu sejumlah RM30.78 juta. Deposit bagi Pejabat Tanah dan Galian merupakan bayaran premium tanah daripada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) sejumlah RM51.14 juta.

8.8.6. Pada tahun 2021, sebanyak 17 jabatan/pejabat telah mengambil tindakan pewartaan wang deposit bagi 20 akaun deposit berjumlah RM3.02 juta dari tahun 1984 hingga 2017 melibatkan 569 pendeposit. Deposit tersebut telah dikreditkan ke hasil negeri memandangkan tiada tuntutan atau bayaran balik kepada pendeposit selepas tempoh tiga bulan ia diwartakan.

8.8.7. Analisis Audit mendapati sebanyak 48 akaun deposit sejak tahun 1983 hingga 2019 berjumlah RM131.73 juta merupakan deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
DEPOSIT TIDAK DITUNTUT BAGI TAHUN 1983 HINGGA 2019

BIL.	JABATAN/PEJABAT	AKAUN DEPOSIT (Bil.)	PENDEPOSIT (Bil.)	TEMPOH DEPOSIT DITERIMA	JUMLAH DEPOSIT (RM Juta)
1.	Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Terengganu	1	2	2011	51.14
2.	Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu	1	1,075	1992-2019	26.46
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu	2	937	2000-2019	22.86
4.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	4	573	1983-2019	15.07
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	2	62	1997-2019	6.43
6.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	2	42	2010-2019	3.51
7.	Pejabat Tanah Dungun	3	451	1998-2019	1.68
8.	Pejabat Tanah Marang	4	91	2001-2019	1.58
9.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	3	74	2006-2019	1.00
10.	Pejabat Tanah Kemaman	2	73	2016-2019	0.46
11.	Jabatan Bekalan Air Terengganu	1	19	2008-2019	0.45
12.	Pejabat Tanah Besut	3	48	2015-2019	0.33
13.	Pejabat Tanah Setiu	2	66	2007-2019	0.19
14.	Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu	2	113	2011-2019	0.16
15.	Pejabat Daerah Marang	2	24	2009-2019	0.10
16.	Pejabat Daerah Setiu	1	4	2015-2018	0.08
17.	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu	2	2	2017-2018	0.06
18.	Pejabat Daerah Kemaman	1	3	2011-2019	0.05
19.	Pejabat Tanah Kuala Nerus	3	10	2018-2019	0.05
20.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	2	5	2017-2019	0.04
21.	Pejabat Daerah Kuala Nerus	1	6	2011-2016	0.01
22.	Pejabat Daerah Besut	2	2	2018-2019	0.01
23.	Jabatan/Pejabat Lain*	2	9	2016-2018	0.01
JUMLAH		48	3,691		131.73

Sumber : Senarai Deposit Pelbagai Jabatan

Nota : (*) – 2 jabatan/pejabat terlibat adalah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu dan Jabatan Pertanian Negeri Terengganu

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Memorandum Aset dan Memorandum Liabiliti. Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan Kerajaan negeri iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan. Memorandum Liabiliti pula menunjukkan liabiliti Kerajaan negeri iaitu Hutang Awam.

9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan negeri kepada agensi negeri dengan menggunakan sumber Kerajaan negeri atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri tidak memberi sebarang pinjaman baharu kepada agensi negeri.

9.1.2. Pada tahun 2021, baki Pinjaman Boleh Dituntut (pokok dan tunggakan faedah) adalah berjumlah RM157.38 juta iaitu menurun sebanyak RM20.15 juta atau 11.4% berbanding RM177.53 juta pada tahun 2020. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	AGENSI/SYARIKAT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)	43.88	57.35	(13.47)	(23.5)
2.	Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB)	113.50	120.18	(6.68)	(5.6)
JUMLAH		157.38	177.53	(20.15)	(11.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.1.3. Pada tahun 2021, bayaran balik pinjaman yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan negeri adalah berjumlah RM9.67 juta yang terdiri daripada anuiti tahun semasa. Bagaimanapun, bayaran balik pinjaman yang diterima oleh Kerajaan negeri pada tahun 2021 adalah sejumlah RM7.68 juta atau 79.4% iaitu RM6.68 juta adalah bayaran anuiti oleh TISB manakala RM1 juta adalah bayaran anuiti oleh PMINT.

9.1.4. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut

- Pada akhir tahun 2021, Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut adalah berjumlah RM1.99 juta iaitu menurun sebanyak RM55.36 juta atau 96.5% berbanding RM57.35 juta pada tahun 2020. Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN BOLEH TUNTUT PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	AGENSI/SYARIKAT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)	1.99	57.35	(55.36)	(96.5)
	JUMLAH	1.99	57.35	(55.36)	(96.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- b. Penurunan ini disebabkan PMINT telah mendapat kelulusan hapus kira tunggakan faedah pinjaman berjumlah RM12.47 juta dan penstrukturkan semula bayaran balik pinjaman berjumlah RM44.88 juta untuk tempoh 15 tahun bermula tahun 2021 sebagaimana keputusan MMKN Kali Ke-13 bertarikh 14 April 2021.

9.2. Pelaburan

Pada akhir tahun 2021, nilai buku pelaburan adalah berbaki sifar berbanding RM3.45 juta pada tahun 2020 kerana sejumlah 13.4 juta unit Amanah Saham Darul Iman (ASDI) telah dipindah milik kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu pada 5 Disember 2021 dengan harga jualan berjumlah RM3.13 juta. Pindah milik saham ASDI ini adalah sebagaimana keputusan MMKN Kali Ke-33 Tahun 2021 bertarikh 3 November 2021.

9.3. Hutang Awam

- 9.3.1. Kerajaan negeri boleh meminjam daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pinjaman yang belum dijelaskan merupakan hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan dinyatakan sebagai Hutang Awam dalam Penyata Kewangan. Kedudukan Hutang Awam (pokok dan tunggakan faedah) pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN HUTANG AWAM PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	226.71	226.71	0.00	0.0
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	39.65	53.26	(13.61)	(25.6)
	JUMLAH	266.36	279.97	(13.61)	(4.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.3.2. Pada akhir tahun 2021, baki hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun sebanyak RM13.61 juta atau 4.9% menjadi RM266.36 juta berbanding RM279.97 juta pada tahun 2020. Penurunan ini adalah disebabkan bayaran balik hutang oleh Kerajaan negeri sejumlah RM15.21 juta (pokok dan tunggakan faedah) serta pertambahan anuiti tahun semasa sebanyak RM1.60 juta. Selain itu, tiada pinjaman baharu yang diterima pada tahun 2021.

9.3.3. Baki tunggakan Hutang Awam telah meningkat sebanyak RM15.38 juta atau 41.5% kepada RM52.46 juta pada tahun 2021 berbanding RM37.08 juta pada tahun 2020. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada tahun 2021 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
HUTANG AWAM PADA TAHUN 2021 DAN 2020

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	50.76	30.54	20.22	66.2
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	1.70	6.54	(4.84)	(74.0)
JUMLAH		52.46	37.08	15.38	41.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.3.4. Kerajaan negeri telah membuat bayaran balik (pokok dan faedah) berjumlah RM15.21 juta bagi satu maksud pinjaman seperti dalam **Jadual 39**.

JADUAL 39
BAYARAN BALIK HUTANG KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2021

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	BAYARAN BALIK TAHUN 2021		JUMLAH BAYARAN BALIK (RM Juta)
		POKOK (RM Juta)	FAEDAH (RM Juta)	
1.	Perumahan Awam Kos Rendah	12.92	2.29	15.21
	JUMLAH	12.92	2.29	15.21

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada penyata kewangan. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Pada akhir tahun 2021, jumlah Akaun Belum Terima (ABT) Kerajaan negeri menurun sebanyak RM51.68 juta atau 53.9% menjadi RM44.25 juta berbanding RM95.93 juta pada tahun 2020. Faktor penurunan ABT pada tahun 2021 adalah disebabkan tunggakan pinjaman pokok oleh PMINT berjumlah RM44.88 juta pada tahun 2020 telah dibuat penstrukturran semula bayaran balik pinjaman sebanyak RM2.99 juta setahun dan hapus kira tunggakan faedah pinjaman berjumlah RM12.47 juta. Kedudukan ABT pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 40**.

JADUAL 40
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bayaran Balik Pinjaman	1.99	57.35	(55.36)	(96.5)
2.	Cukai Tanah	21.13	26.57	(5.44)	(20.5)
3.	Lain-lain Hasil	21.13	12.01	9.12	75.9
JUMLAH		44.25	95.93	(51.68)	(53.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

10.1.2. Kedudukan ABT pada tahun 2021 mengikut tempoh tunggakan adalah seperti dalam **Jadual 41**.

JADUAL 41
KEDUDUKAN ABT
MENGIKUT TEMPOH TUNGGAKAN PADA 31 DISEMBER 2021

BIL.	BUTIRAN TUNGGAKAN	1 TAHUN (RM Juta)	1-3 TAHUN (RM Juta)	4-6 TAHUN (RM Juta)	> 6 TAHUN (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
1.	Bayaran Balik Pinjaman	1.99	0.00	0.00	0.00	1.99
2.	Cukai Tanah	15.89	0.52	0.67	4.05	21.13
3.	Lain-lain Hasil	0.05	0.06	0.09	20.93	21.13
JUMLAH		17.93	0.58	0.76	24.98	44.25

Sumber: Penyata Akaun Belum Terima

10.1.3. Mengikut Kanun Tanah Negara 1965, Subseksyen 94(2), Cukai Tanah tahun semasa hendaklah dibayar dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Mei. Cukai Tanah yang tidak dibayar dalam tempoh tersebut akan menjadi tunggakan. Kedudukan tunggakan Cukai Tanah mengikut pejabat tanah pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 42**.

JADUAL 42
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH
MENGIKUT PEJABAT TANAH PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	PEJABAT	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	3.29	3.06	0.23	7.5
2.	Pejabat Tanah Kemaman	3.17	9.88	(6.71)	(67.9)
3.	Pejabat Tanah Dungun	2.93	2.45	0.48	19.6
4.	Pejabat Tanah Kuala Nerus	2.65	2.34	0.31	13.2
5.	Pejabat Tanah Besut	2.61	2.39	0.22	9.2
6.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	2.60	2.32	0.28	12.1
7.	Pejabat Tanah Marang	2.18	2.13	0.05	2.3
8.	Pejabat Tanah Setiu	1.70	2.00	(0.30)	(15.0)
JUMLAH		21.13	26.57	(5.44)	(20.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

10.1.4. Analisis Audit mendapati enam pejabat tanah mencatatkan peningkatan tunggakan Cukai Tanah berbanding tahun 2020 manakala dua pejabat tanah mencatatkan penurunan tunggakan Cukai Tanah. Pejabat Tanah Dungun mencatatkan peningkatan tunggakan Cukai Tanah tertinggi pada tahun 2021 iaitu sebanyak RM0.48 juta atau 19.6% menjadi RM2.93 juta berbanding RM2.45 juta pada tahun 2020. Pejabat Tanah Kemaman pula mencatatkan penurunan tunggakan Cukai Tanah tertinggi pada tahun 2021 iaitu sebanyak RM6.71 juta menjadi RM3.17 juta berbanding RM9.88 juta pada tahun 2020.

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada akhir tahun 2021 adalah seperti berikut:

11.1. kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2021 berjumlah RM334.52 juta, menurun sebanyak RM131.68 juta atau 28.2% berbanding RM466.20 juta pada tahun 2020;

11.2. hasil yang diperoleh pada tahun 2021 berjumlah RM1.593 bilion iaitu menurun sebanyak RM40.75 juta atau 2.5% berbanding RM1.633 bilion pada tahun 2020;

11.3. perbelanjaan mengurus (termasuk pindahan kepada belanja pembangunan) pada tahun 2021 menurun sebanyak RM62.12 juta atau 3.7% menjadi RM1.625 bilion berbanding RM1.687 bilion pada tahun 2020;

- 11.4. pelaburan berjumlah RM100 juta pada tahun 2021 berbanding sifar pada tahun 2020;
- 11.5. pembayaran di bawah AP 58(a) telah menurun sebanyak RM2.22 juta atau 29.6% menjadi RM5.27 juta pada tahun 2021 berbanding RM7.49 juta pada tahun 2020;
- 11.6. Akaun Amanah Disatukan menurun sebanyak RM99.05 juta atau 37.7% menjadi RM163.79 juta pada tahun 2021 berbanding RM262.84 juta pada tahun 2020;
- 11.7. Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan defisit semasa pada tahun 2021 berjumlah RM156.39 juta berbanding defisit semasa berjumlah RM84.81 juta pada tahun 2020;
- 11.8. Kerajaan negeri telah berjaya melaksanakan sebanyak 1,688 atau 89.1% daripada 1,895 projek yang dirancang bagi tahun 2021. Sejumlah RM688.70 juta atau 94.5% telah dibelanjakan berbanding RM728.58 juta peruntukan yang diluluskan;
- 11.9. Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2021 berjumlah RM157.38 juta iaitu menurun sebanyak RM20.15 juta atau 11.4% berbanding RM177.53 juta pada tahun 2020. Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut juga menurun sebanyak RM55.36 juta atau 96.5% menjadi RM1.99 juta pada tahun 2021 berbanding RM57.35 juta pada tahun 2020;
- 11.10. Hutang Awam menurun sebanyak RM13.61 juta atau 4.9% menjadi RM266.36 juta pada tahun 2021 berbanding RM279.97 juta pada tahun 2020. Bagaimanapun, tunggakan bayaran balik Hutang Awam meningkat sebanyak RM15.38 juta atau 41.5% menjadi RM52.46 juta pada tahun 2021 berbanding RM37.08 juta pada tahun 2020; dan
- 11.11. Akaun Belum Terima menurun sebanyak RM51.68 juta atau 53.9% menjadi RM44.25 juta pada tahun 2021 berbanding RM95.93 juta pada tahun 2020.

12. SYOR AUDIT

Kerajaan negeri perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya sumber pendapatan yang diperoleh dapat menampung keseluruhan perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta tanggungan semasa. Kerajaan negeri perlu mengamalkan pengurusan kewangan lebih berhemat dan disiplin fiskal yang tinggi demi memastikan

keadaan kewangan terus kukuh dan terkawal tanpa menjelaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri. Sehubungan itu, Kerajaan negeri adalah disyorkan:

- 12.1. mengenal pasti sumber hasil baharu dan melaksanakan perbelanjaan secara terarah serta berhemat bagi meningkatkan prestasi kewangan negeri;
- 12.2. memastikan kelulusan khas pembayaran AP 58(a) dikurangkan bagi mengelakkan penggunaan peruntukan tahun semasa dan mengawal perbelanjaan; dan
- 12.3. mengamalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjelaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan negeri Terengganu.

